

UMNO TERENGGANU DALAM PILIHAN RAYA
UMUM 2004:
ANALISIS FAKTOR DALAMAN DAN LUARAN
YANG MEMPENGARUHI KEMENANGAN

AWANG JABAR

PUSAT PENGAJIAN SAINS KEMASYARAKATAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

2006

UMNO TERENGGANU DALAM PILIHAN RAYA UMUM
2004:
ANALISIS FAKTOR DALAMAN DAN LUARAN YANG
MEMPENGARUHI KEMENANGAN

OLEH

AWANG JABAR

Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi Ijazah
Sarjana Sains Kemasyarakatan

PUSAT PENGAJIAN SAINS KEMASYARAKATAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

September 2006

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran ku rafakkan ke hadrat-Mu, ya Allah, kerana dengan limpah rahmat-Mu jualah maka aku dapat menyempurnakan kajian ini.

Setinggi-tinggi terima kasih ditujukan kepada Dr Mohamad Zaini Abu Bakar yang telah begitu bersabar menyelia dan memandu perjalanan kajian ini dari awal hinggalah ia berjaya disiapkan.

Terima kasih juga diucapkan kepada isteri tercinta, Datin Meriam Abdullah, yang setiap detik dan waktu memberi perangsang untuk menyiapkan kajian di peringkat sarjana ini sejak dari awal dekad 1970-an lagi.

Terima kasih juga dihulurkan kepada semua kakitangan di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, yang telah membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam menyiapkan kajian ini.

Adalah diharapkan agar kajian ini akan memberi faedah kepada semua.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
KEPENDEKAN	vii
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
BAB I: PENGENALAN	
1.1. Pengenalan	1
1.2. Kenyataan Permasalahan	2
1.3. Sorotan Karya	3
1.4. Justifikasi Kajian	13
1.5. Objektif Kajian	16
1.6. Persoalan Kajian	17
1.7. Kepentingan Kajian	17
1.8. Skop dan Batasan Kajian	20
1.9. Kaedah Kajian	20
1.10. Pembahagian Bab	21
BAB II: KERANGKA TEORI	
2.1. Pengenalan	25
2.2. Amalan Demokrasi Di Malaysia	26
2.3. Teori Organisasi (TO)	35
2.4. Teori Pilihan Rasional (TPR)	41
2.5. TPR Dan Prestasi UMNO Di Terengganu	46
2.6. Kesimpulan	56
BAB III: POLITIK TERENGGANU: PERSPEKTIF KESEJARAHAN	
3.1. Pengenalan	58
3.2. Politik Terengganu Sebelum Dekad 50-An	59
3.3. Politik Terengganu Dalam Dekad 50-An	65
3.4. Politik Terengganu Dalam Dekad 60-An	71
3.5. Politik Terengganu Dalam Dekad 70-An	79
3.6. Politik Terengganu Dalam Dekad 80-An	89
3.7. Politik Terengganu Dalam Dekad 90-An	101
3.8. Kesimpulan	115
BAB IV: KEMENANGAN UMNO TERENGGANU DALAM PILIHAN RAYA UMUM 2004: FAKTOR DALAMAN	
4.1. Pengenalan	118
4.2. Rombakan Badan Perhubungan UMNO Terengganu	119
4.3. Pengemasan Kepimpinan UMNO Seluruh Terengganu	126
4.4. Tumpuan Dan Imej Para Pemimpin UMNO Terengganu	132
4.5. Pemantauan Sokongan Terhadap UMNO Terengganu	140

4.6.	Program Penambahan Ahli Dan Penyokong UMNO	146
4.7.	Program Gerak Kerja Pilihan Raya Yang Tersusun	152
4.8.	Kebulatan Matlamat Dan Ketepatan Strategi	158
4.9.	Keberkesanan Peranan Sebagai Parti Pembangkang	167
4.10.	Kesimpulan	174

BAB V: KEMENANGAN UMNO TERENGGANU DALAM PILIHAN RAYA UMUM 2004: FAKTOR LUARAN

5.1.	Pengenalan	178
5.2.	Pemimpin PAS Terengganu Sebagai Pentadbir Negeri	179
5.3.	Sikap Permusuhan Pemimpin PAS Terengganu	185
5.4.	Pembangunan Negeri Terengganu	192
5.5.	Perlaksanaan Hukum Islam Di Terengganu	200
5.6.	Agihan Sumber Hasil Negeri Terengganu Yang Tidak Seimbang	207
5.7.	Kesilapan Strateji PAS Terengganu Terhadap Beberapa Isu Rakyat	214
5.8.	Campur Tangan Politik Dalam Pentadbiran Kerajaan Terengganu	220
5.9.	Kelemahan Jentera Parti	227
5.10.	Kesimpulan	232

BAB VI: KESIMPULAN DAN PENUTUP

6.1.	Pendahuluan	235
6.2.	Sorotan Dapatan Kajian	236
6.3.	Apa Yang Dicapai Dalam Kajian	237
6.4.	Rumusan dan Penutup	240

Lampiran A		
Peta Negeri Terengganu		242

Lampiran B1		
Sempadan Kawasan Pilihan Raya P33 Besut Mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri		243

Lampiran B2		
Sempadan Kawasan Pilihan Raya P34 Setiu Mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri		244

Lampiran B3		
Sempadan Kawasan Pilihan Raya P35 Kuala Nerus Mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri		245

Lampiran B4		
Sempadan Kawasan Pilihan Raya P36 Kuala Terengganu Mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri		246

Lampiran B5		
Sempadan Kawasan Pilihan Raya P37 Marang Mengikut Kawasan		

Dewan Undangan Negeri	247
Lampiran B6 Sempadan Kawasan Pilihan Raya P38 Hulu Terengganu Mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri	248
Lampiran B7 Sempadan Kawasan Pilihan Raya P39 Dungun Mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri	249
Lampiran B8 Sempadan Kawasan Pilihan Raya P40 Kemaman Mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri	250
Lampiran C Senarai Informan Yang Ditemubual	251
Lampiran D Jumlah Pengundi Berdaftar Di Terengganu	253
Lampiran E Peratus Pengundi Terengganu Yang Membuang Undi	253
Lampiran F Jumlah Kerusi Parlimen Terengganu Yang Dimenangi Oleh Parti-Parti Politik Yang Bertanding	254
Lampiran G Jumlah Kerusi Negeri Terengganu Yang Dimenangi Oleh Parti-Parti Politik Yang Bertanding	254
Lampiran H Peratus Undi Kerusi Parlimen Terengganu Yang Dimenangi Oleh Parti-Parti Politik Yang Bertanding	255
Lampiran I Peratus Undi Kerusi Negeri Terengganu Yang Dimenangi Oleh Parti-Parti Politik Yang Bertanding	255
Lampiran J Perincian Kerusi Parlimen Terengganu Yang Dimenangi Oleh Parti-Parti Politik Yang Bertanding	256
Lampiran K Perincian Kerusi Negeri Terengganu Yang Dimenangi Oleh Parti-Parti Politik Yang Bertanding	258
Lampiran L Nama Pemenang Kerusi Parlimen Terengganu, Nama Parti Politik	

Yang Diwakili Dan Jumlah Majoriti Undi Yang Diperolehi	262
Lampiran M Nama Pemenang Kerusi Negeri Terengganu, Nama Parti Politik Yang Diwakili Dan Jumlah Majoriti Undi Yang Diperolehi	265
Bibliografi	
A. Buku	274
B.1. Tesis	278
B.2. Jurnal	281
B.3. Artikel	281
B.4. Keratan Akhbar	281
C.1 Laporan Rasmi Kerajaan	286
C.2 Laporan Rasmi Agensi Kerajaan	286
C.3 Laporan Rasmi Parti Politik	287
C.4 Laman Web	288

KEPENDEKAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ACA	Anti Corruption Agency
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AJK	Ahli Jawatan Kuasa
ALIRAN	Aliran Kesedaran Negara
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
ASLI	Asian Strategy & Leadership Institute
B	Bersara
BA	Barisan Alternatif
BERJASA	Barisan Jamaah Islamiah Malaysia
BERNAMA	Berita Nasional Malaysia
BN	Barisan Nasional
BPR	Badan Pencegah Rasuah
CCC	Chinese Consultative Council
CNY	Chinese New Year
DAP	Democratic Action Party
DPM	Deputy Prime Minister
DUN	Dewan Undangan Negeri
EPIC	Eastern Pacific Industrial Corporation
EXCO	Executive Council
FRIM	Forest Research Institute of Malaysia
GERAK	Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia
GR	Gagasan Rakyat
GRM	Gerakan Rakyat Malaysia
HAK	Harakah Keadilan Rakyat
HAMIM	Hizbul Muslimin Malaysia
IPF	Indian Progressive Party
IMP	Independence of Malaya Party
ISA	Internal Security Act
JHEAT	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JPP	Jabatan Pembangunan Persekutuan
JSR	Jawatankuasa Syura Rakyat
KADA	Lembaga Kemajuan Kemubu
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KEMAS	Kemajuan Masyarakat
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KL	Kuala Lumpur
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KSGB	Kompleks Sukan Gong Badak
KUSTEM	Kolej Universiti Sains dan Teknologi
KUSZA	Kolej Agama Sultan Zainal Abidin
LPT	Lebu Raya Pantai Timur

LTdL	Le Tour de Langkawi
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MB	Menteri Besar
MCA	Malaysian Chinese Association
MCCBCHS	Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism
MCS	Malayan Civil Service
MKNT	Majlis Kebudayaan Negeri Terengganu
MNC	Multi National Corporation
MP	Member of Parliament
MPKT	Majlis Perbandaran Kuala Terengganu
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
MRSM-YT	Maktab Rendah Sains Mara-Yayasan Terengganu
MSP	Malaysian Solidarity Party
MTB	Menang Tanpa Bertanding
NASMA	Parti Nasionalis Malaysia
NEP	New Economic Policy
NGO	Non-Governmental Organization
OBE	Order of British Empire
OT	Organizational Theory
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBS	Parti Bersatu Sabah
PDRM	Polis Di Raja Malaysia
PER	Perikatan
PERKAYA	Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Terengganu
PETA	Parti Pembebasan Tanah Air
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMB	Parti Kebangsaan Melayu Bersekutu
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKN	Parti Keadilan Nasional
PM	Perdana Menteri
PMINT	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu
PN	Parti Negara
PPP	People's Progressive Party
PPWE	Program Pembiayaan Wang Ehsan
PR	Parti Rakyat
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
PTAT	Persatuan Tennis Amatur Terengganu
PWTC	Putra World Trade Centre
RCT	Rational Choice Theory
RTM	Radio Televisyen Malaysia
S46	Parti Semangat 46
SAC	State Assistant Commissioner
SDP	Sepakat Democratic Party
SMART	Sistem Memantau dan Analisa Risik Tetangga
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
SUK	Setiausaha Kerajaan

SUKMA	Sukan Malaysia
SUPP	Sarawak United People's Party
TADIKA	Taman Didikan Kanak-Kanak
TATI	Terengganu Advance Technology Institute
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TPM	Timbalan Perdana Menteri
TSB	Tahun Sapu Bersih
TT	Tiada Tarikh
TTT	Tahun Tawan Terengganu
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UMNO	United Malays National Organisation
UPU	Unit Perpaduan Ummah
VP	Vice President
YAT	Yayasan As-Salam Terengganu
YDP	Yang Dipertua
YPKT	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu

UMNO TERENGGANU DALAM PILIHAN RAYA UMUM 2004: ANALISIS FAKTOR DALAMAN DAN LUARAN YANG MEMPENGARUHI KEMENANGAN

ABSTRAK

Terengganu merupakan sebuah negeri yang amat menarik sekali untuk dikaji tentang perkembangan politiknya, namun apa yang menarik itu bagaimanapun masih gagal untuk mendorong para pengkaji politik tempatan membuat kajian-kajian yang terperinci mengenainya, khususnya mengenai perkembangan politik di negeri itu dalam tempoh sepuluh ke lima belas tahun kebelakangan ini. Berdasarkan kepada hakikat ini, maka kajian ini akan cuba meneliti perkembangan politik Terengganu di antara tahun 1999 dan tahun 2004, dengan tidak mengabaikan perkembangan politik Terengganu di dalam tempoh sebelumnya, dengan objektif untuk meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan PAS mengambil-alih tampuk pemerintahan Terengganu dari UMNO dalam Pilihan Raya Umum 1999 dan kejayaan UMNO merampas kembali tampuk pemerintahan Terengganu dari PAS dalam Pilihan Raya Umum 2004. Metodologi yang digunakan bagi mengumpulkan maklumat di dalam kajian ini adalah melibatkan penggunaan kaedah "archival research" (khususnya "content analysis" dan "existing data analysis") ke atas kedua-dua sumber primer dan sumber sekunder serta kaedah "field research". Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua fenomena yang mendatangkan kejutan kepada banyak pihak ini sebenarnya tidak dapat dikaitkan dengan tahap amalan demokrasi di Malaysia. Lebih penting lagi, dapatan kajian ini juga turut menunjukkan bahawa kedua-dua fenomena ini sebenarnya dapat dijelaskan

dengan baik oleh Rational Choice Theory (RCT) yang diperkenalkan oleh Anthony Heath dan Organizational Theory (OT) yang diperkenalkan oleh Angelo Panebianco. Mengikuti teori ini, rakyat Terengganu sebenarnya hanyalah merupakan sekumpulan manusia yang berkelakuan dengan kelakuan yang rasional, di mana tindakan mereka menolak UMNO dalam Pilihan Raya Umum 1999 dan menerima UMNO dalam Pilihan Raya Umum 2004 khususnya adalah didasarkan kepada kerasionalan mereka di dalam memilih parti politik yang, selain lebih tersusun organisasinya, malah akan memberikan keuntungan kepada diri mereka sendiri jika diberikan kuasa pada waktu itu.

UMNO TERENGGANU IN THE 2004 GENERAL ELECTIONS: AN ANALYSIS OF INTERNAL AND EXTERNAL FACTORS WHICH LED TO VICTORY

ABSTRACT

In the Malaysian socio-political environment, Terengganu presents one of the more interesting and volatile political arenas. However, despite this, it has failed to inspire local political researchers to conduct in-depth studies on the myriad contributing factors which make this state potentially unpredictable and therefore the more critical as a gauge to the successes and failures of specific policies implemented by political parties. This lack of scrutiny is even more apparent in the case of the period of the last ten to fifteen years. In response to this situation, this study will attempt to examine the political development of Terengganu during the aforementioned period, with particular emphasis on the factors leading to the success of PAS in capturing Terengganu from UMNO in the 1999 General Elections as well as the contributing factors which led to UMNO's successful campaign to recapture the state in the 2004 General Elections. The methodology used to gather information in this study involves the using of "archival research" (specifically "content analysis" and "existing data analysis") method on both primary sources and secondary sources and "field research" (specifically "participant observation") method. The result of this study shows that these two shocking phenomena actually are not related to the level of democracy that is being practiced in Malaysia. More importantly, the result of this study also shows that these two phenomena actually can be satisfactorily explained by the Rational Choice Theory (RCT) as it was introduced by Anthony

Heath (besides by the Organizational Theory (OT) as it was introduced by Angelo Panebianco). According to this theory, the people of Terengganu are just a group of people that act in a rational way, with their rejection of UMNO in the 1999 General Election and their acceptance of UMNO in the 2004 General Election especially are based on their rationality in choosing the political party that is thought to be, besides organizationally stronger, able to bring benefits to them if it is brought to power then.

BAB I: PENGENALAN

1.1. Pengenalan

Kajian ini adalah mengenai UMNO Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004. Ia merupakan suatu percubaan untuk menganalisis perkembangan politik yang berlaku pada pilihan raya berkenaan dalam sebuah negeri yang pengaruh UMNO adalah dianggap kritikal pada waktu itu.

Terengganu terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan keluasan 1,296,572 hektar. Di sebelah utara dan barat lautnya disempadani oleh Kelantan, sebelah barat daya dan selatannya oleh Pahang manakala sebelah timurnya pula adalah disempadani oleh Laut China Selatan sepanjang 244 km. Kawasan pentadbiran Terengganu pula adalah dibahagikan kepada tujuh buah daerah, iaitu Kuala Terengganu, Marang, Dungun, Kemaman, Hulu Terengganu, Setiu dan Besut¹.

Sebagai salah sebuah negeri yang membentuk 'the Malay belt' selain Kelantan, Kedah dan Perlis, penduduk negeri Terengganu adalah 94.6% berbangsa Melayu, manakala baki 5.4% lagi itu berbangsa bukan Melayu (3.1% Cina, manakala 2.3% adalah lain-lain bangsa)², hal ini menjadikan Terengganu sebagai sebuah negeri yang amat menarik sekali untuk dikaji tentang

¹ Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (2004), Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu 2004-2008, Kuala Terengganu, hlm. 9-10.

perkembangan politiknya memandangkan negeri ini, seperti juga negeri-negeri 'the Malay belt' lainnya, sentiasa sahaja menyaksikan berlakunya persaingan sengit di antara dua buah parti politik orang-orang Melayu yang utama di Malaysia, iaitu UMNO dengan PAS untuk merebut tampuk pemerintahan di negeri itu. Sifat rakyat Terengganu yang dikatakan taksab kepada agama Islam yang ditambah pula dengan kekayaan mengejut Terengganu ekoran penemuan minyak di pesisiran pantainya pada akhir tahun 1976 yang diberi royalti setiap tahun, menjadikan persaingan untuk merebut tampuk pemerintahan di negeri itu menjadi lebih sengit.³

1.2. Kenyataan Permasalahan

Senario politik Terengganu dalam dua pilihan raya terakhir telah menarik perhatian pelbagai pihak. Di antara dua Pilihan Raya Umum ke 10, 1999 dan Pilihan Raya Umum ke 11, 2004 menyaksikan perbezaan yang amat ketara.

Dalam Pilhan Raya Umum ke 10, 1999, PAS telah memenangi 28 kerusi daripada 32 kerusi yang dipertandingkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu dan 7 kerusi Parlimen dan 1 kerusi Parlimen dimenangi oleh Parti Keadilan, manakala UMNO hanya meraih 4 kerusi Dewan Undangan Negeri sahaja.

² Ibid, hal 13.

³ "Kerana minyak, Terengganu dijadikan barisan depan: Mahathir kesal sikap pemimpin sebuah parti politik", dim. Utusan Melayu, 11 Jun 1983.

Persoalan yang timbul ialah, apakah punca kekalahan teruk UMNO Terengganu pada pilihan raya itu?

Antara faktor kekalahan UMNO Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 1999 itu, dapat dianalisis daripada dua perspektif, dalaman dan luaran. Faktor dalaman merangkumi antara lain wujudnya kepuakan dan kelemahan organisasi parti yang disebabkan oleh kelemahan pimpinan. Manakala faktor luaran pula, antara lain ialah isu pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan ketepatan stratiji PAS.

Namun begitu, Pilihan Raya Umum 2004 menunjukkan ramalan, andaian dan keyakinan pelbagai pihak itu meleset. Dalam pilihan raya tersebut, UMNO/BN telah memenangi 28 kerusi Dewan Undangan Negeri daripada 32 kerusi yang dipertandingkan dan kesemua 8 kerusi Parlimen, manakala PAS berupaya mempertahankan 4 kerusi Dewan Undangan Negeri sahaja.

1.3. Sorotan Karya

Di antara tulisan-tulisan yang berkenaan dengan politik kepartian terawal yang telah pernah dihasilkan oleh pihak pembangkang (PAS dan S46) ialah buku Yahaya Ismail bertajuk "Skandal Politik Wan Mokhtar Di Terengganu" yang diterbitkan menjelang berlangsungnya pilihan raya umum 1990 yang

menceritakan tentang "berbagai jenis penyelewengan dan kemungkaran" yang dikatakan berlaku di sepanjang tempoh pemerintahan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad di Terengganu. Ini diikuti pula oleh buku-buku Tarmizi Mohd Jam dan Zulkifli Sulong bertajuk "Terengganu Selepas Kelantan: Teori Domino 1994" dan "Operasi Tawan Terengganu" yang diterbitkan menjelang berlangsungnya Pilihan Raya Umum 1995, di mana buku Tarmizi Mohd Jam menceritakan tentang keyakinan penulisnya bahawa "ciri-ciri kemenangan PAS di Kelantan sebenarnya sudah memenuhi dengan apa yang wujud di Terengganu"⁴. Buku Zulkifli Sulong juga turut menceritakan tentang keyakinan yang sama, yang ditambah pula dengan pemberian 30 sebab mengapa rakyat Terengganu perlu menolak Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum 1995.⁵ Kedua-dua buah buku ini cuba diperkuatkan pula oleh sebuah buku lain yang disunting oleh Tarmizi Mohd Jam bertajuk "Terengganu Milik Angkatan 1994" yang memuatkan artikel-artikel pro-PAS dan APU yang telah pernah ditulis oleh Zakry Abadi, Ann Wan Seng, Abdullah Hassan, Johari Jaafar, Anuwa Jamalullail, Abdul Hadi Tulis, Tarmizi Mohd Jam, Mohd Nasir Awang, Ihsan Ibrahim, Mohd Firdaus Al-Amry, Muhammad Hasyim, Ibnu Muslim, Kalam Bistari, Wan Abdul Latif Muda dan Mohd Shuhaimi Al-Maniri.⁶

Setelah berlangsungnya Pilihan Raya Umum 1999 yang menyaksikan kejayaan PAS merampas Terengganu dari Barisan Nasional, tulisan-tulisan bercorak politik kepartian yang dihasilkan oleh pihak pembangkang (PAS) mula

⁴ Tarmizi Mohd Jam (1992). *Terengganu Selepas Kelantan: Teori Domino 1994*. Kuala Lumpur: Penerbitan FIS.

⁵ Zulkifli Sulong (1994). *Operasi Tawan Terengganu*. Batu Caves: Penerbitan Pemuda.

berubah rentaknya daripada mengkritik Barisan Nasional kepada memuja-muji PAS seperti yang dimanifestasi oleh buku-buku Mohd Nasir Awang (2000) dan Lotfi Ismail (2003) bertajuk "Masa Untuk Tok Guru Buktikan: PAS Mampu Pimpin Malaysia" dan "Saf Pimpinan PAS Terengganu: Hadi PM Malaysia Ke-6?".

Buku Mohd Nasir Awang, selain cuba menjustifikasikan kemenangan PAS di Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 1999, menjelaskan tentang keyakinan penulisnya bahawa kemenangan PAS di Terengganu itu akan membuka ruang kepada PAS untuk memerintah Malaysia⁷ manakala buku Lotfi Ismail pula, selain membutirkan biografi dan pemikiran para pemimpin PAS Terengganu, menceritakan tentang keyakinan penulis bahawa PAS akan memerintah Malaysia dengan Datuk Seri Abdul Hadi Awang akan mengambil-alih jawatan Perdana Menteri dari Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas berlangsungnya Pilihan Raya Umum 2004.⁸

Menjelang berlangsungnya Pilihan Raya Umum 2004 pula, sebuah lagi buku telah dihasilkan oleh pihak PAS, iaitu buku Tokku Ibnu Mohamad bertajuk "Cahaya Iman Di Bumi Terengganu: Renungan Buat Rakyat Terengganu", bagi menyeru rakyat Terengganu supaya terus menolak UMNO dan menerima PAS dalam Pilihan Raya Umum 2004 ekoran dikatakan berlakunya "keberkatan"

⁶ Tarmizi Mohd Jam (1994). Ibid.

⁷ Mohd Nasir Awang (2000). *Masa Untuk Tok Guru Buktikan: PAS Mampu Pimpin Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pemuda dan Ismail, Lotfi (2003). *Saf Pimpinan PAS Terengganu: Hadi PM Malaysia Ke-6*. Kota Bharu: Lotfi Ismail.

⁸ Mohd Nasir Awang (2000). Ibid.

pada negeri Terengganu sejak ia diperintah oleh PAS.⁹ Kekalahan mengejut PAS di Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004 walau bagaimanapun telah mendorong seorang pemimpin PAS Kelantan, iaitu Wan Nik Wan Yussof, menulis sebuah buku bertajuk "Demokrasi: Rakyat Terengganu Menolak Parti Islam" bagi menjelaskan tentang faktor-faktor yang menyumbang kepadanya. Selain membincangkan tentang "kekuatan strategi Barisan Nasional" dan "kelemahan strategi PAS", buku Wan Nik Wan Yussof ini menyatakan bahawa kekalahan mengejut PAS di Terengganu ini adalah diakibatkan oleh tindakan Barisan Nasional menggunakan peruntukan wang ehsan bagi menarik sokongan para pengundi kepadanya dan oleh kewujudan seramai 36,935 orang pengundi hantu di dalam senarai daftar pemilih di negeri itu.¹⁰

Di antara tulisan-tulisan mengenai politik kepartian yang telah pernah dihasilkan oleh pihak UMNO pula ialah buku Mohamad Ishak bertajuk "Terengganu Milik Siapa?" yang diterbitkan menjelang berlangsungnya Pilihan Raya Umum 1999 yang menyeru rakyat Terengganu supaya terus menolak PAS dan menerima UMNO dalam Pilihan Raya Umum 1999 kerana "jika peluang mentadbir negeri diberikan kepada PAS, sudah pasti Terengganu akan menjadi padang jarak padang terkukur".¹¹ Menjelang berlangsungnya Pilihan

⁹ Tokku Ibnu Mohamad (2004). *Cahaya Iman Di Bumi Terengganu: Renungan Buat Rakyat Terengganu*. Kuala Terengganu: Penerbitan Fajar Iman.

¹⁰ Wan Nik Wan Yussof (2004). *Demokrasi: Rakyat Terengganu Menolak Parti Islam*. Kota Bharu: Political Analysis and Strategic Development. Jumlah 36,935 orang pengundi hantu ini diperolehi oleh Wan Nik Wan Yussof hasil daripada penggunaan satu logik mudah oleh beliau, iaitu bahawa jumlah pertambahan pemilih Terengganu di antara tahun 1999 dan tahun 2004 (17.18%) sepatutnya menyamai jumlah pertambahan penduduk Terengganu di antara tahun 1999 dan tahun 2004 (7.65%). Disebabkan kedua-dua jumlah ini adalah tidak sama, maka beliau pun menyimpulkan bahawa perbezaan di antara kedua-duanya (9.53% atau 36,935 orang) adalah disebabkan oleh kewujudan pengundi hantu.

¹¹ Mohamad Ishak (1999). *Terengganu Milik Siapa?* Kuala Lumpur: Kristal Sakti Sdn Bhd. Pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Mohamad Ishak ini kelihatan selari dengan penggunaan Rational

Raya Umum 2004, Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu sendiri telah menerbitkan buku Alias Ali bertajuk "Terengganu Parah Di Bawah PAS", di mana buku yang memuatkan tulisan-tulisan beliau di dalam bentuk rencana pengarang majalah bulanan al-Haq mulai dari keluaran April 2000 ke keluaran Mac 2004 yang menyeru rakyat Terengganu supaya menolak PAS dan menerima kembali UMNO dalam Pilihan Raya Umum 2004 dengan mendedahkan "tindakan-tindakan yang tidak konsisten, pelik, luar biasa dan dalam beberapa hal sangat keras dan kelihatan zalim" yang dilakukan oleh Kerajaan PAS Terengganu.¹² Buku Azman Ngah bertajuk "Analisa Pilihan Raya Ke-11: Mengapa PAS Dan Barisan Alternatif Boleh Kalah Teruk? Satu Pengajaran Kepada UMNO" yang dihasilkan setelah berlangsungnya Pilihan Raya Umum 2004 pula membicarakan tentang faktor-faktor dalaman (PAS) dan luaran (UMNO) yang menyumbang kepada kekalahan mengejut PAS di Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004.¹³

Selain daripada tulisan-tulisan bercorak politik kepartian, kehadiran UMNO dan PAS di Terengganu juga telah turut menghasilkan tulisan-tulisan mengenai sejarah parti dan mengenai biografi para pemimpin parti mereka. UMNO agak lebih terkehadapan di dalam aspek ini memandangkan ia telah berjaya menghasilkan sebuah buku bertajuk "UMNO Terengganu 50 Tahun"

Choice Theory bagi menjelaskan sikap politik rakyat Terengganu: "Buat apa Terengganu mempunyai pemimpin yang berbeza ideologi dengan Kerajaan Pusat? Buat apa pula (rakyat Terengganu) bersusah-payah untuk menukarkan kerajaan yang sedia ada di bawah UMNO semata-mata untuk mencuba resepi baru pemerintahan PAS?".

¹² Alias Ali (2004). *Terengganu Parah Di Bawah PAS*. Kuala Terengganu: Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu.

¹³ Azman Ngah (2004). *Analisa Pilihan Raya Ke 11: Mengapa PAS Dan BA Boleh Kalah Teruk*. Kuala Terengganu.

sempena sambutan ulang-tahun ke-50 UMNO Terengganu pada tahun 1996¹⁴ berbanding PAS yang, selain menyelitkan perbincangan mengenai sejarah PAS di dalam buku-buku Zulkifli Sulong dan Mohd Nasir Awang sahaja,¹⁵ sekadar menghasilkan artikel sepanjang 5 halaman sahaja sempena sambutan ulang-tahun ke-50 PAS Terengganu pada tahun 2001.¹⁶ UMNO juga telah berjaya menghasilkan sebuah buku bertajuk "Biografi Dato' Seri Amar Diraja Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad: Sekali Angin Menderu"¹⁷ berbanding PAS yang sekadar menyelitkan perbincangan mengenai biografi para pemimpin partinya di dalam buku-buku Mohd Nasir Awang dan Lotfi Ismail sahaja.¹⁸

"UMNO Terengganu 50 Tahun" memuatkan antara lain rencana umum Sharif Putera bertajuk "Sejarah UMNO Terengganu"¹⁹, turut dimuatkan dalam buku itu rencana-rencana khusus mengenai sejarah UMNO Bahagian-Bahagian Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Kemaman, Dungun, Besut, Kuala Nerus, Marang dan Setiu yang dihasilkan oleh penulis-penulis yang berlainan, juga disulami dengan riwayat hidup Menteri Besar Terengganu dari UMNO, terdiri dari Tan Sri Ibrahim Fikri Mohamed, Dato' Nik Hassan Wan Abdul Rahman, Dato' Mahmood Sulaiman dan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.²⁰

¹⁴ Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu (1996). *UMNO Terengganu 50 Tahun*. Kuala Terengganu: Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu.

¹⁵ Zulkifli Sulong (1994), *Ibid*, hlm. 15-29 dan Mohd Nasir Awang (2000), *Ibid*, hlm. 203-210.

¹⁶ Badan Perhubungan PAS Terengganu, *Sejarah PAS Terengganu*, dlm. *Badan Perhubungan PAS Terengganu (2001). Sambutan Jubli Emas PAS Peringkat Negeri Terengganu*. Kuala Terengganu: Badan Perhubungan PAS Terengganu. Hlm. 34-38.

¹⁷ Sharif Putera (1999). *Biografi Dato' Seri Amar Diraja Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad: Sekali Angin Menderu*. Kuala Terengganu: Persatuan Sasterawan Terengganu.

¹⁸ Mohd Nasir Awang (2000). *Ibid*, .

¹⁹ Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu (1996). *Op.cit* - hlm. 38-67.

²⁰ *Ibid*, hlm 158-181. Artikel mengenai biografi Tan Sri Ibrahim Fikri Mohamed adalah dihasilkan oleh Hussain Mohamed manakala artikel-artikel mengenai biografi Dato' Nik Hassan Wan Abdul Rahman, biografi Dato' Mahmood Sulaiman dan biografi Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad pula adalah dihasilkan oleh Sharif Putera.

Satu lagi bentuk penulisan berkaitan perkembangan politik Terengganu adalah yang berbentuk latihan ilmiah yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar ijazah sarjana muda dalam bidang sains politik, antropologi politik dan sejarah, di mana adakalanya berkisar di sebalik penulisan tentang biografi tokoh-tokoh politik Terengganu yang tertentu. Biografi mengenai Tan Sri Ibrahim Fikri Mohamed umpamanya yang pernah dihasilkan oleh Abdul Wahab Hashim (Kepimpinan Dan Politik UMNO Di Kuala Nerus: Satu Analisa Sosio-Politik Dalam Konteks Kepemimpinan Politik Terengganu),²¹ Adnan Mohd Noor (Perjuangan Dato' Ibrahim Fikri Dalam Arena Politik Di Negeri Terengganu)²² dan Zainal Awang (Penglibatan Ibrahim Fikri Dalam Politik).²³ Biografi Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad juga telah pernah dihasilkan oleh Nor Shazlina Mohd Husin (Biografi Wan Mokhtar Wan Ahmad: Menyusuri Gelombang Pembangunan Terengganu)²⁴ manakala biografi Haji Abas Haji Muhammad pula telah pernah dihasilkan oleh Yaakub Mohd (Haji Abas Haji Muhammad: Tokoh Agama Dan Tokoh Politik Di Terengganu).²⁵

Kajian-kajian ilmiah ini juga kerap merangkumi penulisan tentang perkembangan politik Terengganu secara umumnya sepertimana yang telah pernah dihasilkan oleh Alwee Jantan (Terengganu 1945-1957: A Study in

²¹ Abdul Wahab Hashim (1975). *Kepimpinan Dan Politik UMNO Di Kuala Nerus: Satu Analisa Sosio-Politik Dalam Konteks Kepemimpinan Politik Terengganu*. Tesis BA, Universiti Malaya.

²² Adnan Mohd Noor (1974). *Perjuangan Dato' Ibrahim Fikri Dalam Arena Politik Di Negeri Terengganu*. Tesis BA, Universiti Malaya.

²³ Zainal Awang (1988). *Penglibatan Ibrahim Fikri Dalam Politik*. Tesis BA, Universiti Malaya.

²⁴ Nor Shazlina Mohd Husin (2000). *Biografi Wan Mokhtar Wan Ahmad: Menyusuri Gelombang Pembangunan Terengganu*. Tesis BA, Universiti Malaya.

²⁵ Yaakub Mohd (1981). *Haji Abas Haji Muhammad: Tokoh Agama Dan Tokoh Politik Di Terengganu*. Tesis BA, Universiti Malaya.

Political Development),²⁶ Ismail Ibrahim (Kejatuhan Kerajaan PAS Di Terengganu 30 Oktober 1961: Satu Analisa),²⁷ Hussain Mohamad (Proses Politik Dan Pilihan Raya Di Terengganu, 1954-1978),²⁸ Rabi'ah Mustafa (Punca-Punca Konflik PAS-UMNO Dalam Dekad-Dekad 70-an Dan 80-an: Satu Tinjauan Umum Di Terengganu),²⁹ Rusilawati Mahmud (Kedudukan Parti PAS Dalam Politik Terengganu: Satu Analisa)³⁰ dan Abdul Malek Hitam (Angkatan Perpaduan Ummah: Sejarah Penubuhan, Cabaran Dan Masa Depan (Satu Kajian Khusus Di Terengganu)).³¹

Di samping itu, hasil kajian ilmiah ini juga adalah mengenai perkembangan politik di daerah-daerah tertentu di Terengganu. Perkembangan politik di Besut umpamanya telah pernah dikaji oleh Arjunaidi Mohamed (Kepimpinan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) Bahagian Besut: Satu Tinjauan),³² Mohd Zaini Ibrahim (Perkembangan Politik UMNO: Kajian Kes Pilihan Raya 1999 Di Besut, Terengganu),³³ Muhamad Rapi Yamat (Politik PAS: Satu Analisis Pilihan Raya 1999 Di Besut, Terengganu)³⁴ dan Zainudin Zakaria (Pergolakan Politik Terengganu Masa Kini: Satu Kajian Kes Di

²⁶ Alwee Jantan (1958). *Terengganu 1945-1957: A Study in Political Development*. Tesis BA, University of Malaya, Singapore.

²⁷ Ismail Ibrahim (TT). *Kejatuhan Kerajaan PAS Di Terengganu 30 Oktober 1961: Satu Analisa*. Tesis BA, Universiti Malaya.

²⁸ Husain Mohamad (1979). *Proses Politik Dan Pilihan Raya Di Terengganu, 1954-1978*. Tesis BA, Universiti Malaya.

²⁹ Rabi'ah Mustafa (1986). *Punca-Punca Konflik PAS-UMNO Dalam Dekad-Dekad 70-an Dan 80-an: Satu Tinjauan Umum Di Terengganu*. Tesis BA, Universiti Malaya.

³⁰ Rusilawati Mahmud (1988). *Kedudukan Parti PAS Dalam Politik Terengganu: Satu Analisa*. Tesis BA, Universiti Kebangsaan Malaysia.

³¹ Abdul Malek Hitam (1996). *Angkatan Perpaduan Ummah: Sejarah Penubuhan, Cabaran Dan Masa Depan (Satu Kajian Khusus Di Terengganu)*. Tesis BA, Universiti Malaya.

³² Arjunaidi Mohamed (1988). *Kepimpinan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) Bahagian Besut: Satu Tinjauan*. Tesis BA, Universiti Kebangsaan Malaysia.

³³ Mohd Zaini Ibrahim (2001). *Perkembangan Politik UMNO: Kajian Kes Pilihan Raya 1999 Di Besut, Terengganu*. Tesis BA, Universiti Malaya.

Besut).³⁵ Perkembangan politik di daerah-daerah lain juga telah pernah dikaji oleh Kamaruddin Ismail (UMNO Kemaman, 1946-1969),³⁶ Nazir Jaafar (UMNO Bahagian Kuala Terengganu, 1946-1961),³⁷ Ibrahim Saman (Pengaruh UMNO: Kajian Kes Di Setiu)³⁸ dan Suhaimi Abdul Latif (Perkembangan Politik Mutakhir: Faktor Kemerosotan UMNO Di Dungun, Terengganu).³⁹

Selain dari itu, terdapat juga kajian mengenai perkembangan politik di peringkat sesebuah kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri tertentu di Terengganu. Perkembangan politik di Dewan-Dewan Undangan Negeri Binjai, Ru Rendang, Kuala Berang dan Teluk Pasu umpamanya telah pernah dikaji oleh Mazlan Salleh (Elit Parti Politik: Satu Kajian Kes Di Kawasan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Terengganu, Kawasan Binjai),⁴⁰ Mohd Adnan Abdul Ghani (Pengaruh PAS Di Kawasan Dewan Undangan Negeri Ru Rendang: Perkembangan Dan Kesannya Ke Atas Masyarakat),⁴¹ Asmariah Abdullah (Masalah Dan Kesan Perpaduan Orang-Orang Melayu Ekoran Dari Faham Politik Yang Berbeza Selepas Pilihan Raya Umum 1995: Satu Kajian Di Kawasan Dewan Undangan Negeri Kuala Berang, Terengganu)⁴² dan Zainudin

³⁴ Muhamad Rapi Yamat (2001). *Politik PAS: Satu Analisis Pilihan Raya 1999 Di Besut, Terengganu*. Tesis BA, Universiti Malaya.

³⁵ Zainudin Zakaria (2003). *Pergolakan Politik Terengganu Masa Kini: Satu Kajian Kes Di Besut*. Tesis BA, Universiti Malaya.

³⁶ Kamaruddin Ismail (1978). *UMNO Kemaman, 1946-1969*. Tesis BA, Universiti Kebangsaan Malaysia.

³⁷ Nazir Jaafar (1978). *UMNO Bahagian Kuala Terengganu, 1946-1961*. Tesis BA, Universiti Kebangsaan Malaysia.

³⁸ Ibrahim Saman (2001). *Pengaruh UMNO: Kajian Kes Di Setiu*. Tesis BA, Universiti Malaya.

³⁹ Suhaimi Abdul Latif (2001). *Perkembangan Politik Mutakhir: Faktor Kemerosotan UMNO Di Dungun, Terengganu*. Tesis BA, Universiti Malaya.

⁴⁰ Mazlan Salleh (1984). *Elit Parti Politik: Satu Kajian Kes Di Kawasan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Terengganu, Kawasan Binjai*. Tesis BA, Universiti Malaya.

⁴¹ Mohd Adnan Abdul Ghani (1987). *Pengaruh PAS Di Kawasan Dewan Undangan Negeri Ru Rendang: Perkembangan Dan Kesannya Ke Atas Masyarakat*. Tesis BA, Universiti Malaya.

⁴² Asmariah Abdullah (1996). *Masalah Dan Kesan Perpaduan Orang-Orang Melayu Ekoran Dari Faham Politik Yang Berbeza Selepas Pilihan Raya Umum 1995: Satu Kajian Di Kawasan Dewan Undangan Negeri Kuala Berang, Terengganu*. Tesis BA, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mamat (Masyarakat Melayu Dan Politik: Satu Tinjauan Dari Aspek Perpaduan Dan Perpecahan Berdasarkan Pengaruh PAS Dan UMNO (Kajian Kes Di Dewan Undangan Negeri Teluk Pasu, Terengganu).⁴³

Perkembangan politik Terengganu walau bagaimanapun kelihatan tidak mampu untuk menarik lebih ramai pelajar ijazah sarjana dan doktor falsafah untuk membuat kajian mengenainya. Ini terbukti dengan tidak banyak kajian sebegini telah dihasilkan. Kajian-kajian yang pernah dibuat oleh beberapa orang pelajar ijazah sarjana, seperti Asiah Ali (Gerakan Islam Dan Penentangannya Terhadap Nasionalisme Di Daerah Marang, Terengganu),⁴⁴ Mohd Soud @ Said Mat Ali (Sejarah Dewan Muslimat PAS Dan Sumbangannya Dalam Politik Malaysia: Suatu Kajian Di Kuala Terengganu)⁴⁵ dan Zaireeni Azmi (Gender Dan Politik: Kajian Kes Ke Atas Wanita UMNO Dan PAS Di Terengganu Dan Selangor)⁴⁶.

Selain daripada Mohamad Kamlin yang kajiannya "History, Politics and Electioneering: The Case of Terengganu" telah dipetik dan diulas sebelumnya, terdapat juga beberapa orang sarjana politik tempatan lain yang telah turut membuat kajian mengenai perkembangan politik Terengganu, mereka itu termasuklah Sankaran Ramanathan dan Mohd Hamdan Adnan "Politik Melayu

43 Zainudin Mamat (1999). *Masyarakat Melayu Dan Politik: Satu Tinjauan Dari Aspek Perpaduan Dan Perpecahan Berdasarkan Pengaruh PAS Dan UMNO (Kajian Kes Di DUN Teluk Pasu, Terengganu)*. Tesis BA, Universiti Malaya.

44 Asiah Ali (1991). *Gerakan Islam Dan Penentangannya Terhadap Nasionalisme Di Daerah Marang, Terengganu*. Tesis MA, Universiti Malaya.

45 Mohd Soud @ Said Mat Ali (1999). *Sejarah Dewan Muslimat PAS Dan Sumbangannya Dalam Politik Malaysia: Suatu Kajian Di Kuala Terengganu*. Tesis BA, Universiti Malaya.

46 Zaireeni Azmi (2001). *Gender Dan Politik: Kajian Kes Ke Atas Wanita UMNO Dan PAS Di Terengganu Dan Selangor*. Tesis MA, Universiti Malaya.

Di Kelantan Dan Terengganu: Satu Tinjauan Mengenai Kegagalan PAS Dalam Pilihan Raya Umum 1986”⁴⁷ dan Ahmad Shabery Cheek “Politik Peringkat Tempatan: Tinjauan Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Teluk Pasu”.⁴⁸

1.4. Justifikasi Kajian

Berdasarkan kepada perbincangan dalam aspek sorotan karya sebelum ini, dapatlah dikatakan bahawa kajian ini dapat memperkuat dan melebarkan lagi ke atas kajian-kajian dan penulisan-penulisan yang pernah dihasilkan mengenai perkembangan politik Terengganu dalam tempoh sepuluh ke lima belas tahun kebelakangan ini.

Kejayaan PAS mengambil-alih tampuk pemerintahan Terengganu dari UMNO dalam Pilihan Raya Umum 1999 dan kejayaan UMNO merampas kembali tampuk pemerintahan Terengganu dari PAS dalam Pilihan Raya Umum 2004 sepatutnya perlu dijadikan satu bahan kajian yang teliti memandangkan kedua-dua fenomena ini merupakan fenomena-fenomena yang, selain turut mendatangkan implikasi yang agak besar kepada percaturan politik negara secara umumnya, mendapat perhatian daripada banyak pihak kerana ia adalah berada di luar daripada jangkaan mereka. Maklumat-maklumat terperinci sepatutnya perlu dikumpulkan dan teori (atau mungkin juga teori-teori) tertentu sepatutnya perlu dikemukakan bagi membolehkan penjelasan terhadap faktor-

⁴⁷ Ramanathan, Sankaran dan Adnan, Mohd Hamdan (1989). *Politik Melayu Di Kelantan Dan Terengganu: Satu Tinjauan Mengenai Kegagalan PAS Dalam Pilihan Raya Umum 1986*.

faktor kemenangan UMNO di Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004 dapat difahami.

Hakikat bahawa kemenangan UMNO di Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004 sememangnya berada di luar jangkaan banyak pihak, termasuklah penganalisis-penganalisis politik seperti Farish A Noor dan Tan Sri Abdullah Ahmad.⁴⁹ Apa lagi pemimpin-pemimpin PAS seperti Dato' Seri Abd Hadi Awang yang melahirkan keyakinannya bukan sahaja untuk mempertahankan Terengganu malahan untuk menguasai Malaysia. Banyak akhbar memuatkan komen dan analisis keputusan pilihan raya umum itu, umpamanya:

"Even the most optimistic among us could not believe that the PAS-led State Government of Terengganu could fall, and so spectacularly... What happened last Sunday was little short of a miracle. Political analysts, pundits and journalists were all shocked as the results came in".⁵⁰

Rasa ajaib banyak pihak terhadap kemenangan UMNO di Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004 sebenarnya tidaklah terlalu sukar untuk difahami. Keputusan Pilihan Raya Umum 2004 juga adalah amat mengejutkan kerana selera politik rakyat Terengganu telah berubah dengan secara amat drastik di dalam jangka masa yang amat singkat sekali (lima tahun) dengan terus sahaja menterbalikkan keputusan Pilihan Raya Umum 1999 (27 PAS dan

⁴⁸ Ahmad Shabery Cheek (1989). *Politik Peringkat Tempatan: Tinjauan Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Teluk Pasu*.

⁴⁹ Farish A Noor (2002). *PAS Post-Fadzil Noor: Future Directions and Prospects*. Singapore: ISEAS. Hlm. 1 dan "PAS kekal kuasai Kelantan, Terengganu, peluang 50-50 di Kedah", dlm. *Harakah*, 1-15 April 2004. Farish A Noor telah pernah menyatakan bahawa kedudukan PAS akan menjadi lebih sukar untuk digugat di Terengganu berikutan kenaikan pangkat Datuk Seri Abdul Hadi Awang sebagai Presiden PAS mulai dari tahun 2002 manakala Tan Sri Abdullah Ahmad pula telah pernah meramalkan bahawa PAS akan dapat mempertahankan pemerintahannya di Terengganu di dalam Pilihan Raya Umum 2004.

⁵⁰ "PAS drowns in tidal wave of 'enough is enough'", dlm. *New Straits Times*, 27 Mac 2004.

1 PKN berbanding 4 UMNO) dalam Pilihan Raya Umum 2004 ini (27 UMNO dan 1 MCA berbanding 4 PAS).

Khairanan banyak pihak terhadap kemenangan UMNO di Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004 ini seringkali pula mendorong mereka untuk mengemukakan pelbagai teori tertentu bagi menjelaskan fenomena ini. Kejayaan UMNO menguasai Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004, mengikut wartawan-wartawan atau penganalisis-penganalisis politik, adalah disebabkan oleh kerana rakyat Terengganu kagum dengan kemunculan, keperibadian dan visi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dilantik sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia yang baru bagi menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober 2003.⁵¹ Sementara para pemimpin UMNO turut mengongsi pendapat bahawa kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah merupakan faktor penting dalam kemenangan BN di Terengganu.⁵² Para pemimpin PAS pula menyifatkan kejayaan UMNO ini sebagai tidak lebih daripada satu penipuan kerana ia dikatakan disumbangkan oleh faktor kewujudan lebih 30,000 pengundi hantu⁵³.

⁵¹ "Pak Lah factor topples PAS in Terengganu", dlm. Malay Mail, 22 Mac 2004, "The Abdullah tsunami effect", dlm. New Straits Times, 23 Mac 2004, "Keperibadian, agenda Pak Lah faktor kemenangan BN", dlm. Berita Harian, 23 Mac 2004, "Sifat, sikap Pak Lah tepati cita rasa rakyat", dlm. Berita Harian, 25 Mac 2004, "Ketelusan Pak Lah kembalikan perpaduan Melayu", dlm. Berita Harian, 25 Mac 2004 dan "PAS tersepit dek gelombang Pak Lah", dlm. Harian Metro, 25 Mac 2004.

⁵² "Voices", dlm. Malay Mail, 22 Mac 2004. Kenyataan ini adalah dibuat oleh Datuk Idris Jusoh.

⁵³ Pengundi yang bukan merupakan anak kelahiran Terengganu yang mengundi di negeri itu yang dikatakan menjadi punca berlakunya peningkatan yang amat ketara di dalam peratusan pengundi yang keluar mengundi di negeri itu.

1.5. Objektif Kajian

Oleh kerana keputusan sesuatu pilihan raya umum, sama seperti kebanyakan perlakuan politik yang lain, selalunya bukanlah disebabkan oleh sesuatu faktor yang jelas sifatnya, maka adalah menjadi matlamat kajian ini untuk cuba merungkaikan proses-proses yang berlaku sama ada dalam UMNO mahupun di luar UMNO, khususnya untuk merungkaikan perubahan-perubahan yang telah berlaku ke atas organisasi UMNO Terengganu di antara tahun 1999 dengan tahun 2004, yang menyumbang kepada kemenangannya dalam Pilihan Raya Umum 2004. Adalah diharapkan agar maklumat-maklumat terperinci yang terkandung dalam kajian ini akan mampu untuk disatukan dalam satu cara yang koheren bagi membolehkan satu teori yang lebih tersusun dapat ditampilkan sehubungan dengannya.

Secara umumnya, kajian ini akan cuba untuk menjelaskan siapakah aktor-aktor utama dalam UMNO Terengganu yang terlibat dalam Pilihan Raya Umum 2004:

- a) Siapakah aktor-aktor utama dalam UMNO Terengganu yang terlibat dalam Pilihanraya Umum 2004
- b) Apakah peranan yang telah dimainkan oleh mereka di dalamnya
- c) Bagaimanakah mereka mewujudkan atau menangani isu-isu yang timbul di dalamnya

- d) Mengapakah rakyat Terengganu mengubah selera mereka terhadap sesebuah parti politik secara drastik, dilihat dari sudut faktor dalaman dan luarannya.

Secara khususnya pula, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan memeriksa faktor-faktor dalaman dan faktor-faktor luaran dalam organisasi UMNO Terengganu yang membawa kepada kemenangannya dalam Pilihan Raya Umum 2004.

1.6. Persoalan Kajian

- a) Apakah faktor-faktor dalaman yang menyumbang kepada UMNO Terengganu memenangi Pilihan Raya Umum 2004.
- b) Apakah faktor-faktor luaran yang membawa kepada kemenangan UMNO Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004.

1.7. Kepentingan Kajian

Kajian ke atas prestasi UMNO Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004 ini difikirkan sebagai amat penting sekali disebabkan oleh nilai teori, nilai praktik dan nilai ramalannya.

Kepentingan kajian ini dari segi teori untuk menjelaskan faktor-faktor kemenangan UMNO Terengganu dalam Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum 2004

dalam satu cara yang koheren dalam bentuk satu teori yang lebih tersusun yang sekaligus akan menjadikan fenomena ini lebih mudah untuk difahami, seperti yang akan dibincangkan mengenai Teori Organisasi dan kaitannya dengan kemenangan UMNO Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004 dalam Bab 2. Kepentingan kajian ini dari segi praktiknya adalah disumbangkan oleh kemungkinan teori ini umumnya dan pendedahan-pendedahan mengenai strategi-strategi yang digunakan oleh UMNO Terengganu untuk merampas kembali tampuk pemerintahan Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004 khususnya dapat digunakan dalam dunia politik sebenar oleh pihak-pihak lain, terutamanya oleh UMNO Kelantan mahupun oleh PAS Kelantan dan PAS Terengganu, dalam pilihan raya umum seterusnya. Kepentingan kajian ini dari segi ramalan pula adalah disumbangkan oleh kemampuan teori ini untuk meramalkan keputusan pilihan raya-pilihan raya umum yang akan datang di Terengganu khususnya dan di negeri-negeri lain umumnya.

Kajian terhadap UMNO Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004 juga penting bagi membesarkan lagi ruang lengkap kajian yang telah dibuat terdahulu.

Antara kajian yang telah dijalankan ialah buku Neil John Funston "Malay Politics in Malaysia, 1945-1969: A Case Study of the United Malays National Organization and the Pan Malayan Islamic Party",⁵⁴ Chandrasekaran Pillay "Protection of the Malay Community: A Study of UMNO's Position and

Opposition Attitudes”,⁵⁵ Tengku Mahmood Tengku Ismail “Krisis Sepanjang Sejarah UMNO, Khususnya Di Sekitar Tahun 1987”,⁵⁶ Teresa Kok Suh Sim “Perpuakan UMNO Dalam Era Mahathir Mohamad”⁵⁷ dan Azeem Fazwan Ahmad Farouk “Culture and Politics: An Analysis of United Malays National Organisation (UMNO), 1946-1999”.⁵⁸ Selain daripada itu, kajian-kajian ini juga termasuklah kajian-kajian yang telah turut pernah dibuat oleh beberapa orang pelajar ijazah doktor falsafah, iaitu Daniel Eldredge Moore “The United Malays National Organization and the 1959 Malayan Elections: A Study of a Political Party in Action in a Newly Independent, Plural Society”,⁵⁹ Ahmad Fawzi Mohd Basri “The United Malays National Organization (UMNO) 1981-1991: A Study of the Mechanics of a Changing Political Culture”⁶⁰ dan Mohd Ali Kamarudin “Penaungan Dalam Kepemimpinan Politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-1990”.⁶¹

⁵⁴ Funston, Neil John (1973). *Malay Politics in Malaysia, 1945-1969: A Case Study of the United Malays National Organization and the Pan Malayan Islamic Party*. Tesis MSC, Monash University.

⁵⁵ Pillay, Chandrasekaran (1974). *Protection of the Malay Community: A Study of UMNO's Position and Opposition Attitudes*. Tesis MSSC, Universiti Sains Malaysia.

⁵⁶ Tengku Ismail Tengku Mahmood (1990). *Krisis Sepanjang Sejarah UMNO, Khususnya Di Sekitar Tahun 1987*. Tesis MA, Universiti Malaya.

⁵⁷ Kok Suh Sim, Teresa (2001). *Perpuakan UMNO Dalam Era Mahathir Mohamad*. Tesis MA, Universiti Malaya.

⁵⁸ Azeem Fazwan Ahmad Farouk (2002). *Culture and Politics: An Analysis of United Malays National Organisation (UMNO), 1946-1999*. Tesis MA, Universiti Malaya.

⁵⁹ Moore, Daniel Eldredge (1960). *The United Malays National Organization and the 1959 Malayan Elections: A Study of a Political Party in Action in a Newly Independent, Plural Society*. Tesis PHD, University of California, Berkeley.

⁶⁰ Ahmad Fawzi Mohd Basri (1992). *The United Malays National Organization (UMNO) 1981-1991: A Study of the Mechanics of a Changing Political Culture*. Tesis PHD, University of Hull.

⁶¹ Mohd Ali Kamarudin (1998). *Penaungan Dalam Kepemimpinan Politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-1990*. Tesis PHD, Universiti Malaya.

1.8. Skop dan Batasan Kajian

- a) Batasan kajian secara khusus merujuk kepada Negeri Terengganu bagi tempoh Pilihan Raya Umum 2004. Ia meliputi kesemua 8 bahagian UMNO mengikut sempadan pilihan raya.
- b) Manakala skop kajian pula secara khususnya tertumpu kepada faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi kemenangan UMNO Terengganu pada Pilihan Raya ke 11 tahun 2004. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga akan melibatkan UMNO Pusat sama ada secara langsung atau tidak.

1.9. Kaedah Kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah analisis kandungan yang berasaskan kepada dua kategori maklumat, primer dan sekunder.

Maklumat sekunder ini meliputi kajian-kajian kepustakaan yang terdiri dari buku, tesis, jurnal, akhbar, laporan rasmi kerajaan, laporan rasmi parti dan laman web.

Manakala maklumat primer pula dirujukan kepada temubual berstruktur yang dijalankan ke atas 8 pemimpin UMNO yang mewakili 8 bahagian di

Terengganu, seorang pemimpin PAS, seorang bekas pemimpin PAS, 3 orang pegawai kerajaan, seorang ahli akademik dan seorang ahli korporat.

1.10. Pembahagian Bab

Dari segi susunan, kesemua perbincangan yang dimuatkan di dalam kajian ini akan dibahagikan kepada enam bab yang tersendiri, iaitu Bab-Bab 1, 2, 3, 4, 5 dan 6.

Bab 1, iaitu Bab Pendahuluan, akan dimulakan dengan perbincangan tentang latar belakang Terengganu secara umum, diikuti dengan perbincangan tentang faktor-faktor yang menjadikan Terengganu sebuah negeri yang amat menarik sekali untuk dikaji tentang perkembangan politiknya. Perbincangan tentang sorotan karya di dalam bidang politik Terengganu, yang boleh menarik pengkaji-pengkaji politik membuat kajian yang mendalam ke atasnya, disusuli oleh perbincangan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan satu kajian yang terperinci mengenai kemenangan UMNO Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004 perlu dibuat. Perbincangan kemudiannya diteruskan dengan menyenaraikan objektif-objektif kajian, kepentingan-kepentingan kajian, batasan dan skop kajian dan kaedah-kaedah kajian yang digunakan.

Bab 2, iaitu Bab Kerangka Teori, akan dimulakan dengan perbincangan tentang keperluan untuk meletakkan fenomena kemenangan UMNO Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004 dalam konteks amalan demokrasi

berparlimen di Malaysia, diikuti dengan perbincangan tentang bagaimana tahap demokrasi yang diamalkan di Malaysia sebenarnya tidak mampu untuk menjelaskan kedua-dua fenomena ini. Perbincangan kemudiannya diteruskan dengan mengemukakan satu teori yang boleh menjelaskan fenomena ini dengan baik, iaitu Teori Pilihan Rasional (TPR) yang telah diperkenalkan oleh Anthony Heath, disamping Teori Organisasi (TO) yang diperkenalkan oleh Angelo Panebianco, serta dengan huraian dan pembuktian tentang bagaimana ia menjelaskan fenomena ini.

Bab 3, iaitu Bab Politik Terengganu: Perspektif Kesejarahan, sebagaimana yang jelas tertera dalam tajuknya, memperlihatkan bukan sahaja perkembangan yang berlaku dalam politik Terengganu khususnya, tetapi juga politik Malaysia secara umum, dari dekad 50-an ke dekad 90-an sebagai satu latar belakang bagi membolehkan kemenangan UMNO di Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004 dapat ditanggapi dengan lebih baik lagi. Bab ini akan dimulakan dengan perbincangan tentang perkembangan yang berlaku dalam politik Terengganu di antara tahun 1900 ke tahun 1949, diikuti dengan perbincangan tentang perkembangan yang berlaku dalam politik Terengganu di antara tahun 1950 dan tahun 1959, tahun 1960 dan tahun 1969, tahun 1970 dan tahun 1979, tahun 1980 dan tahun 1989 dan tahun 1990 dan tahun 1999 dengan melihat kepada isu-isu utama yang wujud dalam politik Terengganu pada waktu itu selain kepada personaliti-personaliti dan parti-parti politik yang memainkan peranan utama di dalamnya.

Bab 4, iaitu Bab Kemenangan UMNO Terengganu Dalam Pilihan Raya Umum 2004: Faktor Dalaman, pula akan membincangkan tentang segala perubahan yang telah berlaku ke atas organisasi UMNO di Terengganu di antara tahun 1999 dengan tahun 2004 yang telah menyumbang kepada kejayaan UMNO merebut kembali tampuk pemerintahan Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004. Pengukuran kedudukan UMNO di Terengganu di dalam tempoh ini pula adalah dibuat dengan berdasarkan kepada lapan aspek, iaitu aspek-aspek rombakan Badan Perhubungan UMNO Terengganu, pengemasan kepimpinan UMNO seluruh Terengganu, tumpuan dan imej para pemimpin UMNO Terengganu, pemantauan sokongan terhadap UMNO Terengganu, program penambahan ahli dan penyokong UMNO, program gerak kerja pilihan raya yang tersusun, kebulatan matlamat dan ketepatan strategi dan keberkesanan peranan sebagai parti pembangkang dan faktor-faktor ini diklasifikasikan sebagai faktor dalaman.

Bab 5, iaitu Bab Kemenangan UMNO Terengganu Dalam Pilihan Raya Umum 2004: Faktor Luaran, akan menghujahkan bahawa, selain daripada disebabkan oleh pengukuhan yang berlaku dalam organisasi UMNO di Terengganu di antara tahun 1999 dengan tahun 2004, kejayaan UMNO merebut kembali tampuk pemerintahan Terengganu dalam Pilihan Raya Umum 2004 juga sebenarnya adalah turut dibantu oleh kelemahan organisasi PAS di Terengganu dalam tempoh tersebut. Pengukuran kedudukan PAS di Terengganu di antara tahun 1999 dan tahun 2004 pula adalah dibuat dengan berdasarkan kepada lapan aspek, iaitu aspek-aspek pemimpin PAS

Terengganu sebagai pentadbir negeri, sikap permusuhan pemimpin PAS Terengganu, pembangunan negeri Terengganu, pelaksanaan hukum Islam di Terengganu, pengagihan sumber hasil negeri yang tidak seimbang, kesilapan strategi PAS terhadap rakyat Terengganu, jentera pentadbiran kerajaan Terengganu serta jentera kepartian PAS Terengganu.

Bab 6, iaitu Bab Kesimpulan dan Penutup, adalah rumusan segala perbincangan yang telah dibuat dalam bab-bab sebelumnya di mana bab ini di antara lainnya akan menghujahkan tentang kebenaran tindakan rakyat Terengganu menerima UMNO dalam Pilihan Raya Umum 2004 adalah didasarkan kepada kerasionalan mereka, bahawa kepimpinan yang berteraskan keagamaan merupakan faktor penentu bagi kekuatan atau kelemahan UMNO Terengganu dan bahawa kekuatan atau kelemahan UMNO Terengganu juga turut dipengaruhi oleh kewujudan insentif material.